



# UMP lancar INAP

Interaksi diperkasa melalui idea, sumbang saran jaringan industri dengan hubungan alumni terdiri daripada sektor awam dan swasta



Dr Daing Nasir bersama rakan strategik selepas bertukar dokumen MoU dalam memperkasa jaringan industri dan hubungan aluminya sempena Majlis Minum Petang Bersama Industri yang berlangsung di Putrajaya, baru-baru ini.

**NORAWAZNI YUSOF**

**KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang (UMP)** melancarkan Industry Network Alumni Platform (INAP) sebagai tanda komitmen tinggi dan usaha berterusan UMP dalam memperkasa jaringan industri serta hubungan aluminya.

Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, platform itu juga adalah inisiatif yang dicetuskan secara kolektif Jabatan Jaringan Industri dan Masyarakat bersama Persatuan Alumni UMP serta Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

"INAP menjadi tempat alumni Universiti yang berkhidmat di sektor awam dan swasta membina hubungan, berinteraksi dan memberi sumbang saran atas kapasiti profesional sebagai eksekutif, teknokrat, usahawan, akademik dan sebagainya.

"Ia juga bertujuan merealisasikan percambahan idea konstruktif dari perspektif profesional para alumni yang berpotensi untuk direka bentuk sebagai inisiatif bernilai tambah dan berimpak tinggi melalui penglibatan langsung Universiti ini dan industri yang diwakili mereka," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Minum Petang Bersama Industri yang dihadiri Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Profesor Dr Jamil Ismail yang berlangsung di Everly Hotel Putrajaya, baru-baru ini.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif UMP Holdings Sdn Bhd merangkap Presiden Persatuan Alumni Graduan UMP, Tuan Syed Mohd Hamzah Al-Junid Syed Abdul Rahman; Ketua Pegawai Eksekutif, DreamEDGE Sdn Bhd, Khairil Adri Adnan; Ketua Pegawai Teknikal Sysarmy Sdn Bhd,

Alan Yau Ti Dun dan Pengurus Kanan, Daikin Research & Development Malaysia Sdn Bhd, Lim Soon Kiong.

Daing Nasir berkata, Pelan Strategik UMP 2016-2020 melihat secara serius aspek penghubungannya universiti dengan dua pemegang taruhnya iaitu industri dan alumni untuk digembeng secara mampan.

"Dengan cara ini segala cabaran penghubungannya dengan semua 22,502 alumni universiti dapat dimudahkan sekiranya penggerak INAP bekerjasama rapat dengan semua fakulti yang pernah graduan ini menuntut dahulu.

Justeru, saya harapkan supaya semua Dekan Fakulti melihat inisiatif INAP serius terutama dalam konteks penerokaan peluang kolaborasi strategik dan mengekalkan keintiman para alumni dengan alma mater mereka," katanya.